

# Perakaunan Bagi Pendapatan Dan Agihan Zakat: Kajian Ke Atas Institusi Zakat Di Utara Malaysia

Ku Nor Izah Ku Ismail<sup>1</sup>

Chek Derashid

Fathiyyah Abu Bakar

Norfaiezah Sawandi

Muhammad Syahir Abdul Wahab

Suhaimi Ishak

*Universiti Utara Malaysia*

<https://doi.org/10.58458/ipnj.v08.01.03.0052>

## Abstrak

Kertas ini meninjau bagaimana institusi zakat di Malaysia mengaakaun pendapatan dan agihan zakat, serta mendedahkannya di dalam penyata kewangannya. Kajian tertumpu kepada tiga institusi zakat atau Majlis Agama Islam negeri (MAIN). Kajian ini menggunakan data yang diperolehi daripada dua sumber - Laporan Kewangan MAIN bagi tahun 2016 serta temu bual dengan akauntan mereka. Kajian ini mendapati bahawa amalan perakaunan dan pendedahan maklumat zakat bagi setiap MAIN adalah berbeza. Ini menunjukkan perlu adanya satu standard perakaunan yang boleh dijadikan garis panduan kepada institusi zakat dalam mengaakaun pendapatan zakat serta agihannya. Dalam membentuk standard perakaunan bagi pendapatan dan agihan zakat, MPSAS 23 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan) boleh dijadikan asas kerana zakat juga merupakan pendapatan daripada urus niaga bukan pertukaran.

**Kata kunci:** pendapatan zakat, perakaunan bagi zakat, pendedahan urus niaga zakat, standard perakaunan zakat, institusi zakat

## Abstract

This paper examines the practice of accounting and disclosure of zakat income and distribution by Zakat institutions in Malaysia. Zakat institutions or State Islamic Religious Councils (MAIN) are the subjects of this study. Data are gathered from two sources - the 2016 annual reports of the institutions, and interviews with their accountants or financial officers. This study finds that the practice of accounting and disclosure of zakat transactions differs among the three institutions. This shows that there should be an accounting standard on zakat that would act as guidelines for the institutions in accounting for zakat income and distribution. In formulating

---

1 Penulis adalah Profesor di School of Accountancy, UUM College of Business, Universiti Utara Malaysia. Artikel ini adalah sebahagian dari dapatan projek penyelidikan yang dibiayai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

the accounting standard, MPSAS 23 Revenue from Non-exchange Transactions (Tax and Transfer) can act as a referral as zakat is also a revenue from non-exchange transactions.

**Keywords:** zakat income, accounting for zakat, disclosure of zakat, accounting standard for zakat, zakat institution

## Pendahuluan

Penubuhan institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal (WZB) telah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kutipan dan agihan dana wakaf, zakat dan baitulmal di setiap negeri di Malaysia (Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Nor, & Maryam Abd Rashid, 2016). Berikutan dengan itu, adalah menjadi kewajipan bagi institusi ini bertindak profesional, amanah dan cekap dalam menguruskan dana wakaf, zakat dan baitulmal untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya penyelewengan. Sikap profesional dan amanah ini juga boleh mengelak berlakunya pengagihan zakat yang lebih besar berbanding pungutan zakat (Hairunnizam, Sanep, & Radiah, 2009).

Di Malaysia, institusi WZB diletakkan dibawah tanggungjawab Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Lembaga Zakat Negeri (selepas ini hanya disebut sebagai MAIN atau institusi zakat bagi merujuk kepada kedua-duanya). Oleh itu segala urusan yang berkaitan dengan dana WZB adalah dirujuk kepada mereka, termasuklah dalam menyediakan pelaporan kewangan berhubung dengan dana WZB. Amalan semasa menunjukkan setiap MAIN akan menyediakan laporan kewangan masing-masing mengikut amalan tersendiri dengan merujuk kepada beberapa rujukan seperti standard perakaunan umum yang digunakan oleh syarikat (MPERS), badan kerajaan (MPSAS), enakmen negeri serta keputusan fatwa bagi setiap negeri. Sehingga kini tidak terdapat satu standard perakaunan yang khusus yang boleh diguna pakai oleh MAIN dalam mengakaunkan dana wakaf, zakat dan baitulmal. Akibatnya, perekodan perakaunan dan persembahan pelaporan kewangan didapati berbeza atau tidak konsisten antara MAIN walaupun mereka menjalankan operasi yang sama dari sudut pengutipan dan pengagihan dana WZB.

Dari sudut pentadbiran pula ada negeri yang mengasingkan pengurusan zakat, baitulmal dan wakaf, ada negeri yang menggabungkan kesemua institusi ini di bawah satu pentadbiran, dan ada negeri yang menswastakan kutipan dan/atau agihan zakat manakala wakaf dan baitulmal kekal di bawah pentadbiran Majlis Agama. Kepelbagaian bentuk pentadbiran, peraturan dan fatwa ini juga menyumbang kepada ketidakseragaman dalam amalan perakaunan bagi WZB, dan seterusnya akan menjejaskan kebolehbandingan angka-angka kewangan.

Dari aspek perakaunan, kebolehbandingan merupakan salah satu ciri utama dalam menentukan kualiti maklumat kewangan, kerana ia memudahkan perbandingan dan pembuatan keputusan oleh pengguna. Hendriksen (1977) mendapati yang objektif utama kebolehbandingan adalah untuk membantu pengguna (pelabur, penyumbang, dan pemberi hutang misalnya) dalam membuat ramalan dan keputusan kewangan. Beliau mendefinisikan

kebolehbandingan sebagai keadaan di mana terdapat ciri-ciri persamaan yang cukup untuk membolehkan perbandingan dibuat.

Zakat merupakan sumber dana terbesar MAIN jika dibandingkan dengan dana wakaf dan baitulmal. Pada tahun 2016, kutipan zakat bagi negeri Perlis dan Perak misalnya merangkumi lebih 70 peratus daripada keseluruhan sumber dana MAIN tersebut (Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak, 2016 ; Majlis Agama Islam Negeri Perlis, 2016) .Dari sudut Islam, zakat didefinisikan sebagai penyerahan secara wajib sebahagian harta kekayaan kepada segolongan orang yang berhak menerimanya melalui Amil yang bertauliah bagi mencari keredaan Allah SWT untuk membangunkan masyarakat berdasarkan syarat-syarat yang ditentukan oleh syarak (Mohd Abd Wahab Fatoni & Adibah Hasanah, 2008).

Pada dasarnya zakat yang dikutip oleh MAIN merupakan hasil daripada urus niaga bukan pertukaran, yang bermaksud sesuatu entiti akan menerima sumber tanpa memberikan apa-apa ganjaran atau menyediakan ganjaran yang nominal dengan segera sebagai balasan (Para 9, MPSAS 23) (Jabatan Akauntan Negara Malaysia, 2013b). Dalam menentukan sama ada sesuatu terimaan itu adalah hasil atau tidak, Jabatan Akauntan Negara telah mengeluarkan standard perakaunan MPSAS 23 (Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan) sebagai panduan. Sebagai contoh, pembayar cukai membayar cukai kerana undang-undang cukai memberikan mandat bagi pembayaran cukai tersebut. Walaupun kerajaan yang mengenakan cukai akan menyediakan pelbagai perkhidmatan awam untuk pembayar cukai, namun tindakan itu bukanlah sebagai ganjaran kepada pembayaran cukai tersebut (Jabatan Akauntan Negara Malaysia, 2013b). Dalam konteks zakat, pembayar zakat membayar zakat kepada MAIN kerana undang-undang zakat memberikan mandat kepada MAIN untuk mengutip zakat, dan pembayar tidak mendapat apa-apa ganjaran material, kecuali ganjaran pahala. Walaupun pada hakikatnya zakat terhasil daripada urusniaga bukan pertukaran, ianya tidak dibincangkan secara spesifik di dalam MPSAS 23. Ini bermakna MPSAS 23 juga dijangka tidak banyak membantu institusi zakat dalam menyeragamkan kaedah perakaunan dan pelaporan zakat.

Pemerhatian ke atas laporan kewangan MAIN secara rambang menunjukkan ada MAIN yang mengiktiraf kutipan zakat sebagai salah satu item hasil bersama-sama dengan item hasil yang lain, dan agihan kepada asnaf sebagai salah satu item belanja dalam Penyata Pendapatan. Menurut MPSAS 1 (Jabatan Akauntan Negara Malaysia, 2013a) hasil terdiri daripada aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diterima dan belum terima oleh entiti pelaporan, yang menunjukkan peningkatan dalam aset/ekuiti bersih, selain daripada peningkatan yang berkaitan dengan sumbangan daripada pemilik. Namun, kutipan zakat boleh dianggap sebagai bukan hasil kerana MAIN hanya berperanan sebagai Amil yang menjadi pemegang amanah atau wakil kepada penyumbang untuk diagihkan kepada kumpulan asnaf yang telah ditetapkan dalam Al-Quran. Kajian yang dijalankan oleh Hairunnizam Wahid et al. (2017) menunjukkan secara umumnya MAIN berpandangan bahawa istilah terimaan dan pembayaran zakat adalah lebih sesuai berbanding dengan hasil dan belanja kerana ianya merupakan dana berbentuk amanah. Dengan mengambil

kira pandangan ini, lebih kutipan (setelah ditolak agihan) merupakan satu liabiliti. Menurut MPSAS 1, liabiliti adalah obligasi entiti yang disebabkan oleh kejadian sebelumnya di mana penyelesaiannya menyebabkan berlakunya aliran keluar sumber manfaat ekonomi entiti atau potensi perkhidmatan masa depan (Jabatan Akauntan Negara Malaysia, 2013a).

Disebaliknya pula, adakah pengagihan wang zakat kepada golongan asnaf dikira sebagai item belanja atau sebagai pengurangan liabiliti atau ekuiti? Menurut MPSAS 1, belanja adalah pengurangan manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan semasa tempoh pelaporan dalam bentuk aliran keluar, penggunaan aset atau kewujudan liabiliti yang menyebabkan penurunan dalam aset bersih/ekuiti selain daripada yang berkaitan dengan pengagihan kepada pemilik (Jabatan Akauntan Negara Malaysia, 2013a).

Bagi menjawab persoalan-persoalan di atas, kajian ini akan meninjau dengan lebih dekat lagi pendekatan yang digunakan oleh beberapa MAIN dalam mengakaunkan kutipan dan agihan zakat. Secara khususnya, kajian ini akan meneliti amalan semasa MAIN dalam mengakaunkan kutipan dan pengagihan zakat, dan seterusnya menentukan sama ada terdapat kesamaan atau kebolehbandingan penyata kewangan MAIN. Kajian ini akan memberi sumbangan yang signifikan kepada penyedia dan pengguna penyata kewangan institusi zakat. Ia juga berperanan penting kepada penggubal standard perakaunan bagi zakat. Kajian ini juga penting memandangkan kajian lepas berkenaan dengan pengurusan dan perakaunan zakat di Malaysia terutamanya berkaitan pengiktirafan hasil, belanja dan liabiliti adalah amat kurang. Kajian lepas hanya tertumpu kepada aspek tadbir urus, pengurusan insituti berkenaan dan gelagat pemegang taruh seperti pembayar zakat ( Abdullah Abdul Ghani et al., 2017; Shawal Kaslam, 2009; Hairunnizam et al., 2009 ). Kajian ini dijangka akan membuka lebih ruang kepada kajian-kajian berkaitan perakaunan, bukan sahaja bagi zakat, malah bagi wakaf yang juga di bawah pentadbiran MAIN. Skop kajian ini adalah terhad kepada tiga institusi yang bertanggungjawab dalam mengurus zakat di utara Malaysia.

## **Sorotan Kajian**

### **Zakat Dan Kewajipannya Dalam Islam**

Zakat adalah rukun Islam yang ketiga yang diwajibkan kepada setiap Muslim yang berkemampuan untuk mengeluarkan sebahagian harta yang tertentu dengan kadar yang tertentu untuk diberikan kepada golongan yang telah ditetapkan (asnaf). Di dalam Al-Quran perkataan zakat telah disebut sebanyak 58 kali iaitu sebanyak 32 kali disebut secara bersendirian dan 26 kali disebut secara beriringan dengan kewajipan solat (Mohd Adib Abd Muin & Shuhairimie Abdullah, 2016).

Istilah zakat adalah berasal daripada Bahasa Arab yang bermaksud “untuk menambah”, “untuk mensuci” dan “untuk merestui” (Mohd Rais Alias, 2016). Amalan zakat ini membantu mendidik seseorang Muslim itu untuk suka memberi dan peka terhadap orang yang kurang bernasib baik. Jika diteliti, zakat bukannya hanya satu bentuk pengabdian hambanya kepada

Pencipta (hubungan manusia dan Allah SWT) malah menuntut keikhlasan pembayar zakat untuk sama-sama membantu membela golongan yang kurang berkemampuan (hubungan manusia dengan manusia yang lain). Selain itu, zakat adalah satu wadah dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam yang menekankan pengagihan semula kekayaan antara golongan yang berkemampuan dengan golongan yang kurang berkemampuan. Ini sejajar dengan firman Allah SWT dalam surah At-Taubah [9] ayat 103 bermaksud;

*“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka...”*

Matlamat kewajipan zakat ini adalah untuk membersihkan harta itu sendiri daripada sebarang kekotoran yang mungkin dicemari semasa proses mendapatkannya oleh pemilik harta berkenaan. Selain itu, zakat dapat menyucikan hati pemilik harta berkenaan daripada perasaan tamak, haloba dan kedekut. Sifat-sifat tercela ini akan terhakis apabila pemilik harta ini sedar yang sebahagian daripada pendapatan yang diperolehinya itu adalah untuk dikongsi dengan pihak lain yang kurang berkemampuan. Ini secara tidak langsung menyuburkan sifat saling bantu-membantu dan memperkukuhkan ikatan kasih sayang di kalangan masyarakat Islam.

Selain itu, zakat memainkan peranan yang amat penting bagi memastikan masyarakat Islam dapat memenuhi keperluan asas masing-masing seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan (Noor Syafinas Muda, 2014). Amalan zakat dapat membantu dan mengubah masyarakat yang kurang berkemampuan agar kehidupan mereka menjadi lebih baik. Penerima zakat yang produktif akan berusaha untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan berdikari sehingga mereka mampu menjana pendapatan seterusnya menjadi golongan pembayar zakat. Dalam konteks ini, zakat akan bertindak sebagai satu alat bagi meningkatkan taraf hidup golongan miskin.

Di Malaysia, pengurusan zakat adalah termasuk di bawah Perkara 74 (Jadual 2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Perlembagaan Malaysia, 1963). Peruntukan ini menyatakan bahawa pengurusan zakat adalah di bawah bidang kuasa negeri. Berdasarkan peruntukan tersebut, setiap negeri bebas membentuk struktur pentadbiran hal ehwal agama Islam termasuk pentadbiran zakat mengikut kesesuaian negeri masing-masing. Secara umumnya, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) ditubuhkan di setiap negeri bagi mengendalikan urusan berkaitan agama Islam termasuklah zakat seperti di negeri Perlis, Kelantan dan Perak. Namun, ada sesetengah negeri, institusi khas zakat telah ditubuhkan untuk mengurus kutipan dan agihan zakat seperti Lembaga Zakat Kedah di Kedah dan As Sahabah Urus Zakat Sdn Bhd di Pulau Pinang.

Antara tanggungjawab institusi zakat ini ialah menguruskan pentadbiran zakat dan menguatkuasakan peraturan-peraturan tertentu bagi pihak Sultan atau Raja. Hal ini menjadikan amalan pengurusan zakat di Malaysia adalah berbeza bagi setiap negeri.

Meskipun wujud perbezaan dari segi pengurusan kutipan dan agihan namun matlamat yang ingin dicapai adalah sama iaitu untuk memastikan taraf hidup masyarakat yang kurang berkemampuan dapat ditingkatkan dan keharmonian masyarakat Islam dapat dicapai.

Pada dasarnya, zakat perlu diagihkan kepada beberapa golongan yang tertentu sepertimana Firman Allah SWT dalam surah At-Taubah [9] ayat 60 yang menjelaskan tentang lapan kategori asnaf yang layak menerima zakat iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, hamba, orang yang berhutang, fi sabilillah dan ibn sabil. Secara umumnya pengagihan zakat dapat dibahagikan kepada dua bentuk iaitu dalam bentuk sara diri dan yang keduanya dalam bentuk produktif (Zarina Kadri, Sanep Ahmad, & Mohd Ali Mohd Nor, 2012). Bagi bentuk sara diri, antara bantuan yang boleh diberikan ialah bantuan sewa rumah, bantuan perubatan, bantuan pendidikan dan sebagainya. Manakala dalam bentuk produktif, bantuan boleh diberikan dalam bentuk bantuan modal perniagaan, bantuan peralatan dan sebagainya. Pengagihan zakat perlu memenuhi maqasid syari'ah bagi memastikan agihan zakat yang diberikan menepati syariat dan hikmah pelaksanaannya. Ada lima perkara utama yang diteliti bagi mencapai maqasid syari'ah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

## **Perakaunan Zakat**

Perakaunan zakat atau dalam Bahasa Arabnya muhasabah al-zakah bermaksud satu bidang ilmu perakaunan untuk menentukan dan menilai harta yang diwajibkan zakat, menentukan kadarnya, membuat taksiran nilai zakat yang dikenakan, memungut dan mengagihkan harta zakat yang dipungut kepada penerima zakat berdasarkan syarat-syarat dan kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak (Sahata Hussein, 2003). Selain itu, Zahri Hamat (2013) menambah lagi satu aspek iaitu dalam proses di atas, iaitu menyediakan laporan kepada pihak yang berkepentingan berkaitan kutipan dan agihan zakat.

Oleh yang demikian, institusi zakat seperti MAIN yang bertanggungjawab untuk mengakaunkan segala kutipan dan agihan zakat perlulah mematuhi piawaian atau standard perakaunan yang tertentu seperti Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) atau Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS). Ini bagi memastikan dana zakat yang dikumpulkan dapat dilaporkan di dalam penyata kewangan yang sistematik dan profesional mengikut maqasid syari'ah yang tertentu bagi mempamerkan rasa tanggungjawab dan akauntabiliti dalam menguruskan dana zakat yang telah diamanahkan oleh pembayar zakat. Selain itu, pematuhan kepada standard-standard perakaunan ini adalah untuk memastikan penyata-penyata kewangan yang disediakan oleh MAIN dapat dibandingkan. Perbandingan maklumat-maklumat perakaunan ini adalah bertujuan untuk mengukur dan menilai prestasi dan kecekapan pengurusan dana zakat yang ditadbir oleh MAIN.

Kebolehbandingan (*comparability*) merupakan antara prinsip perakaunan yang diguna pakai bagi menyediakan penyata kewangan sesebuah organisasi mahupun syarikat (Kieso, Weygandt, & Warfield, 2018). Prinsip ini menegaskan kebolehbandingan maklumat perakaunan hanya boleh dilakukan jika entiti pelapor menggunakan standard dan polisi perakaunan yang

sama bagi tempoh perakaunan yang berbeza atau bagi entiti pelapor yang berbeza. Pengguna maklumat perakaunan boleh membandingkan maklumat tersebut bagi tempoh perakaunan yang berbeza jika entiti berkenaan menggunakan standard dan polisi perakaunan yang sama bagi setiap tempoh laporan perakaunan. Manakala sekiranya pengguna maklumat perakaunan ingin membandingkan bagi entiti pelapor yang berbeza, sudah tentu semua entiti ini menggunakan standard dan polisi perakaunan yang sama. Pernyataan di atas turut di sokong oleh Ros Aniza Mohd. Shariff & Abdul Rahim Abdul Rahman (1997) dalam kajian mereka bahawa perbandingan maklumat perakaunan hanya boleh dilakukan jika entiti pelapor menggunakan standard dan polisi perakaunan yang sama. Manakala Wang (2014) dalam kajian beliau menegaskan penggunaan sesuatu standard perakaunan yang di terima umum mampu menghasilkan maklumat perakaunan yang boleh dibandingkan antara entiti-entiti dan tempoh perakaunan yang berlainan.

Apabila dikaitkan prinsip kebolehbandingan ini dengan institusi zakat dan MAIN dalam menyediakan laporan perakaunan masing-masing, kebanyakan MAIN menggunakan MPERS dan ada juga MAIN dalam tempoh peralihan untuk menggunakan MPSAS. Bagi institusi zakat seperti MAIN A, ia menggunakan MFRS dan dalam tempoh peralihan untuk menggunakan MPSAS. Situasi ini akan memberi cabaran kepada pengguna perakaunan dan pemegang taruh yang lain untuk membandingkan maklumat perakaunan bagi tempoh perakaunan yang berbeza mahupun untuk membandingkan antara MAIN itu sendiri. Di sini para penyelidik menegaskan perlu adanya satu standard perakaunan yang sesuai dan boleh digunakan oleh semua institusi zakat dan MAIN di negara ini.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini telah dijalankan ke atas tiga institusi yang bertanggungjawab bagi mengutip dan mengagihkan zakat, iaitu MAIN A, MAIN B, dan MAIN C. Ketiga-tiga institusi ini dipilih kerana mereka memilih kaedah yang berbeza dalam mengakaunkan hasil zakat, dan ini adalah bersesuaian dengan isu yang dikaji. Institusi juga dijangka dapat mewakili populasi MAIN di seluruh Malaysia dalam membincangkan isu perakaunan hasil zakat.

Bagi mengenal pasti amalan perakaunan yang dijalankan bagi mengiktiraf kutipan dan pengagihan zakat, penelitian ke atas penyata kewangan (beserta nota kepada akaun) tahun 2016 bagi ketiga-tiga institusi telah dijalankan. Di samping itu, temu bual dengan pegawai kewangan (akauntan) juga dibuat untuk mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci bagi amalan yang dilakukan. Penyelidik mengambil masa selama lebih kurang dua jam bagi setiap temu bual. Namun, tujuan temu bual ini bukanlah untuk mendapatkan hujah atau pandangan mereka tentang amalan perakaunan tersebut.

## Dapatan Kajian Dan Perbincangan

### Amalan MAIN A

Penyata kewangan MAIN A bagi tahun berakhir 2016 telah disediakan dengan berpandukan kepada PERS dan juga Enakmen Lembaga Zakat Negeri 2015. Semua hasil termasuk kutipan zakat diiktiraf menggunakan asas tunai kecuali hasil sewaan dan keuntungan simpanan tetap yang menggunakan asas akruan. Dari segi belanja pula, MAIN A telah menggunakan asas tunai terhadap agihan zakat kepada asnaf manakala lain-lain belanja yang berkaitan adalah berdasarkan asas akruan. Pengiktirafan hasil dan belanja dengan menggunakan asas tunai adalah diterima dalam konteks rangka kerja konseptual Islam (Hamzah Ismail & Radziah Abdul Latiff, 2001). Antara kutipan zakat yang diiktiraf pada tahun 2016 adalah berkaitan dengan pendapatan, perniagaan dan wang simpanan. Diantara jenis-jenis kutipan zakat tersebut, zakat perniagaan adalah kutipan zakat yang tertinggi dan diikuti oleh perniagaan dan wang simpanan.

Terdapat dua penyata pendapatan yang disediakan oleh MAIN A iaitu Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Zakat (PPKWZ) dan Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan (PPKWPP). PPKWZ adalah penyata pendapatan yang menunjukkan secara khusus segala pendapatan/hasil dan juga belanja yang diiktiraf oleh Kumpulan Wang Zakat, manakala PPKWPP merupakan penyata pendapatan yang menunjukkan secara khusus segala pendapatan/hasil dan perbelanjaan Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan yang merujuk kepada hasil dan perbelanjaan MAIN A sebagai amil. Penyediaan dua penyata pendapatan yang berasingan ini menunjukkan bahawa terdapat pengasingan yang jelas di antara pengiktirafan hasil dan belanja Kumpulan Wang Zakat dengan hasil dan perbelanjaan yang diiktiraf oleh MAIN A. Amalan ini juga membolehkan pengguna penyata kewangan mengetahui dan menilai prestasi kumpulan wang zakat dan prestasi MAIN A sebagai institusi yang menguruskan wang zakat (The International Accounting Standards Board (IASB) 2018; Zahri Hamat 2013).

Secara khususnya, setelah ditolak bahagian amil sebanyak satu per lapan (1/8) daripada kutipan, diiktiraf sebagai pendapatan atau hasil dalam PPKWZ. Kutipan zakat yang merupakan bahagian amil (iaitu MAIN A) pula diiktiraf sebagai pendapatan atau hasil dalam PPKWPP. Amalan ini menunjukkan terdapat pengasingan yang jelas di antara kutipan zakat di bawah Kumpulan Wang Zakat dan kutipan zakat yang diperuntukan kepada amil, iaitu MAIN A. Petikan kedua-dua penyata pendapatan yang menunjukkan amalan pengiktirafan kutipan zakat sebagai hasil adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 (a) dan (b):

**Rajah 1 (a): Amalan pengiktirafan Kutipan Zakat dalam Penyata Pendapatan  
Kumpulan Wang Zakat**

**MAIN A**

**PENYATA PENDAPATAN KUMPULAN WANG ZAKAT  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Nota	2016 RM	2015 RM
PENDAPATAN Zakat	18	XXX	XXX

(Sumber: Penyata Kewangan MAIN A 2016 yang diaudit)

**Rajah 1 (b): Amalan pengiktirafan Kutipan Zakat dalam Penyata Pendapatan  
Kumpulan Wang Pentadbiran Dan Pengurusan**

**MAIN A**

**PENYATA PENDAPATAN KUMPULAN WANG PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Nota	2016 RM	2015 RM
PENDAPATAN Zakat		XXX	XXX

(Sumber: Penyata Kewangan MAIN A 2016 yang diaudit)

Amalan pengiktirafan kutipan zakat yang diamalkan oleh MAIN A ini adalah selari dengan definisi hasil iaitu aliran masuk yang memberi manfaat ekonomi dan potensi perkhidmatan kepada entiti pelapor (MPSAS 1) di mana keseluruhan kutipan zakat, setelah ditolak peruntukan kepada amil, diiktiraf sebagai hasil kepada Kumpulan Wang Zakat dan bukannya sebagai hasil kepada Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan. Hanya bahagian kutipan zakat yang diperuntukkan kepada amil (1/8) yang diiktiraf sebagai hasil dalam penyata pendapatan Kumpulan Wang Pentadbiran dan Pengurusan yang merujuk kepada MAIN A. Kutipan zakat yang diiktiraf sebagai hasil dalam PPKWZ seterusnya akan dijumlahkan dengan lain-lain hasil yang turut diiktiraf dalam PPKWZ seperti fidyah, sewaan, dan keuntungan simpanan tetap bagi mendapatkan jumlah pendapatan Kumpulan Wang Zakat.

Bagi agihan zakat pula, MAIN A mengiktiraf agihan zakat kepada setiap asnaf sebagai item perbelanjaan dalam PPKWZ. Amalan mengakaunkan agihan zakat oleh MAIN A ini adalah

seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2, di mana agihan zakat kepada setiap asnaf beserta nilai agihan dinyatakan secara terperinci dalam PPKWZ. Pengiktirafan agihan zakat sebagai item belanja dalam penyata perbelanjaan adalah untuk memadankan dengan pengiktirafan kutipan zakat sebagai hasil dalam PPKWZ. Pepadanan di antara pendapatan dengan perbelanjaan Kumpulan Wang Zakat dalam penyata pendapatannya ini akan menghasilkan sama ada lebih atau pun kekurangan pendapatan daripada perbelanjaan.

### Rajah 2: Amalan pengiktirafan agihan zakat oleh MAIN A

#### PENYATA PENDAPATAN KUMPULAN WANG ZAKAT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
Pendapatan			
Zakat	18	XXX	XXX
...		XXX	XXX
...		XXX	XXX
Lain - lain Pendapatan		XXX	XXX
...		XXX	XXX
Jumlah Pendapatan		XXX	XXX
Perbelanjaan :			
Asnaf Fakir		XXX	XXX
...		XXX	XXX
...		XXX	XXXX
Jumlah Perbelanjaan		XXX	XXX
Lebihan/ (Kurangan) Pendapatan Daripada Perbelanjaan		(XXX)	(XXX)

Nilai lebihan (kurangan) ini kemudiannya akan dipindahkan ke dalam Rezab atau Kumpulan Wang Zakat dalam Lembaran Imbangan, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3 (a) dan (b).

**Rajah 3 (a): Petikan Lembaran Imbangan – Kumpulan Wang Zakat****MAIN A****LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2016**

	<b>Nota</b>	<b>2016 RM</b>	<b>2015 RM</b>
...	XX	XXX	XXX
Dibiayai Oleh :			
Kumpulan Wang Zakat	14	XXX	XXX
Kumpulan Wang Pentadbiran & Pengurusan		XXX	XXX
Jumlah Kumpulan Wang		XXX	XXX

**Rajah 3 (b): Nota 14 – Lebihan/ (kurangan) dilaraskan dengan baki awal Kumpulan Wang Zakat****KUMPULAN WANG ZAKAT**

	<b>2016 RM</b>	<b>2015 RM</b>
Baki pada 01 Jan	XXX	XXX
Tambah/ (Tolak): Pelarasan Tahun Lalu	XXX	XXX
	XXX	XXX
Tambah: Lebihan / (Kurangan) pendapatan daripada perbelanjaan	(XXX)	(XXX)
Baki pada 31 Disember	XXX	XXX

**Amalan MAIN B**

MAIN B mengguna pakai MPERS dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri 2006 dalam merekodkan segala hasil dan belanjanya. MPERS diguna pakai kerana ia adalah asas untuk MAIN B membuat penyatuan akaun dengan anak syarikatnya. Selain itu, ia mengutip

hasil zakat dan mengagihkannya sendiri kepada golongan asnaf yang layak. MAIN B telah mengguna pakai asas tunai dalam mengiktiraf kutipan dan agihan zakat. Amalan tersebut telah diterima pakai secara tradisi, dipersetujui oleh Ahli Majlis MAIN B dan dibolehkan dalam konteks rangka kerja konseptual Islam Zahri Hamat (2013). Menurut MAIN B lagi, kutipan dan agihan zakat diiktiraf secara tunai kerana transaksi-transaksi tersebut berlaku secara berterusan.

Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 yang diaudit oleh Ketua Audit Negara, terdapat dua penyata pendapatan yang disediakan oleh MAIN B yang berkaitan zakat. Ia adalah Penyata Pendapatan yang Disatukan (PPD) dan Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah (PPKWZF). PPD merupakan penyata yang menunjukkan keseluruhan pendapatan dan perbelanjaan MAIN B iaitu termasuk yang bukan berkaitan zakat. PPKWZF pula adalah penyata khusus yang menunjukkan kutipan dan agihan zakat serta lain-lain pendapatan dan perbelanjaan yang berkaitan zakat. Amalan dua penyata ini dapat menunjukkan dengan lebih jelas hasil dan belanja MAIN B secara keseluruhan dan yang berkaitan dengan zakat secara khusus. Ini juga membolehkan pemegang taruh MAIN B seperti ahli majlis, pembayar zakat, agensi kerajaan dan orang awam membandingkan aktiviti-aktiviti kewangan berkaitan MAIN B secara keseluruhan berbanding zakat (The International Accounting Standards Board (IASB), 2018; Zahri Hamat, 2013). Petikan PPD yang menunjukkan amalan pengiktirafan kutipan dan agihan zakat adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4:

**Rajah 4: Amalan pengiktirafan Kutipan dan Agihan Zakat dalam Penyata Pendapatan yang Disatukan**

**MAIN B**

**PENYATA PENDAPATAN YANG DISATUKAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Nota	2016 RM	2015 RM
Pendapatan Zakat	21	XXX	XXX
...		XXX	XXX
Lain-lain Pendapatan		XXX	XXX
...		XXX	XXX
Jumlah Pendapatan		XXX	XXX

Perbelanjaan : Asnaf Fakir	XXX	XXX
...	XXX	XXX
Lain-lain Perbelanjaan	XXX	XXX
...	XXX	XXX
Jumlah Perbelanjaan	XXX	XXX
Lebihan/ (kurangan) pendapatan daripada perbelanjaan	XXX	XXX

(Sumber: Penyata Kewangan MAIN B 2016 yang diaudit)

Contoh pelaporan kutipan dan agihan zakat MAIN B yang dipersembahkan dalam PPKWZF boleh pula dilihat pada Rajah 5.

**Rajah 5: Amalan pengiktirafan Kutipan dan Agihan Zakat dalam Penyata Pendapatan Pendapatan Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah**

**MAIN B  
PENYATA PENDAPATAN KUMPULAN WANG ZAKAT DAN FITRAH  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Nota	2016 RM	2015 RM
Pendapatan Zakat	21	XXX	XXX
...		XXX	XXX
Lain-lain Pendapatan		XXX	XXX
...		XXX	XXX
Jumlah Pendapatan		XXX	XXX
Perbelanjaan : Asnaf Amilin	25	XXX	XXX
...		XXX	XXX

Lain-lain Perbelanjaan Berkaitan Zakat	XXX	XXX
...	XXX	XXX
Jumlah Perbelanjaan	XXX	XXX
<hr/>		
Lebihan/ (kurangan) pendapatan daripada perbelanjaan	XXX	XXX

(Sumber: Penyata Kewangan MAIN B 2016 yang diaudit)

Kutipan zakat yang diiktiraf sebagai hasil pada tahun 2016 adalah berkaitan dengan padi, fitrah dan harta. Belanja yang diiktiraf pula adalah agihan kepada lapan golongan asnaf yang layak menerima zakat. Disamping itu, MAIN B mengiktiraf tidak lebih daripada 1/8 daripada jumlah hasil zakat yang telah dikutip pada tahun semasa bagi menampung segala perbelanjaan pengurusannya sebagai asnaf amilin (Sila lihat Rajah 5). Menurut MAIN B, ia layak digolongkan sebagai asnaf amilin kerana menjadi institusi yang bertanggungjawab menguruskan wang zakat. Antara perbelanjaan pengurusan tersebut adalah seperti manfaat kewangan dan bukan kewangan staf (sebagai contoh: gaji, elaun, keraian dan honorarium) penyelenggaraan bangunan dan kenderaan, sewaan, bayaran kepada amil, bil-bil utiliti dan lain-lain lagi. Sebagai tambahan, MAIN B memadankan segala kutipan dan agihan zakat beserta hasil dan belanja berkaitan zakat untuk mendapatkan lebihan atau kurangan sebenar bagi sesuatu tempoh perakaunan (Sila lihat Rajah 5). Lebihan atau kurangan tersebut akan dicampur atau ditolak dengan baki awal tempoh (setelah dibuat pelarasan/pindahan) untuk mendapatkan baki akhir kumpulan wang zakat dan fitrah tahun semasa seperti yang ditunjukkan pada Rajah 6(a). Baki akhir tersebut dilaporkan pula pada Lembaran Imbangan seperti pada Gambarajah 6(b).

### **Rajah 6(a): Nota 16 – Lebihan/ (kurangan) dilaraskan dengan baki awal Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah**

#### **KUMPULAN WANG ZAKAT DAN FITRAH**

	<b>2016 RM</b>	<b>2015 RM</b>
Baki pada 01 Jan	XXX	XXX
Pelarasan/pindahan	XXX	XXX
	XXX	XXX
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan daripada Perbelanjaan	(XXX)	(XXX)
Baki pada 31 Disember	XXX	XXX

(Sumber: Penyata Kewangan MAIN B 2016 yang diaudit)

**Rajah 6(b): Petikan Lembaran Imbangan – Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah****MAIN B  
LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2016**

	Nota	2016 RM	2015 RM
...	XX	XXX	XXX
Aset Semasa Bersih		XXX	XXX
Dibiayai Oleh :			
Kumpulan Wang Zakat & Fitrah	16	XXX	XXX
...		XXX	XXX
Jumlah Kumpulan Wang		XXX	XXX

(Sumber: Penyata Kewangan MAIN B 2016 yang diaudit)

Berdasarkan dapatan kajian di atas, MAIN B mengiktiraf sepenuhnya kutipan dan agihan zakat sebagai hasil dan belanjanya.

**Amalan MAIN C**

MAIN C menguruskan sendiri kutipan dan agihan zakat. Penyata kewangan MAIN C bagi tahun berakhir 2016 telah disediakan dengan berpandukan kepada PERS dan juga Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri 2004 (Pindaan 2012). MAIN C telah menggunakan asas tunai dalam mengiktiraf kutipan dan agihan zakat. Amalan ini bertepatan dengan sifat kutipan dan agihan zakat itu sendiri yang berlaku secara berterusan. Amalan ini juga mendapat persetujuan daripada Anggota Majlis MAIN C dan konsisten dengan rangka kerja konseptual Islam (Zahri Hamat, 2013).

Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 yang diaudit oleh Ketua Audit Negara, terdapat satu sahaja penyata pendapatan yang disediakan oleh MAIN B yang berkaitan zakat iaitu Penyata Prestasi Kewangan Zakat (PPKZ). PPKZ menunjukkan secara terperinci kutipan dan agihan zakat tahun semasa. Petikan PPKZ yang menunjukkan amalan pengiktirafan kutipan dan agihan zakat adalah seperti Rajah 7:

## Rajah 7: Amalan pengiktirafan Kutipan dan Agihan Zakat dalam Penyata Prestasi Kewangan Zakat

### MAIN C PENYATA PRESTASI KEWANGAN ZAKAT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
Kutipan Zakat Zakat Fitrah		XXX	XXX
...		XXX	XXX
Lain-lain Pendapatan Berkaitan Zakat		XXX	XXX
Agihan Asnaf Amil		XXX	XXX
...		XXX	XXX
Jumlah Agihan		XXX	XXX
Lebihan/ (Kurangan) Dana Zakat		XXX	XXX

(Sumber: Penyata Kewangan MAIN C 2016 yang diaudit)

Kutipan zakat yang diiktiraf sebagai hasil pada tahun 2016 adalah berkaitan dengan fitrah, harta, perniagaan, dan tanaman. Selain itu, lain-lain pendapatan berkaitan zakat seperti keuntungan bank turut diiktiraf. Tidak seperti MAIN-MAIN lain, belanja yang diiktiraf adalah agihan kepada tujuh golongan asnaf sahaja. Bagi MAIN C, asnaf riqab tidak diambil kira kerana definisi dan konsepnya masih belum jelas dalam konteks negeri itu. Menurutnyanya lagi, kajian lanjut diperlukan untuk menjelaskan isu ini.

MAIN C turut mengiktiraf lebih kurang 1/8 daripada jumlah kutipan zakat pada tahun semasa bagi menampung perbelanjaan pengurusanannya sebagai amil zakat. MAIN C layak mengiktiraf belanja ini kerana ia adalah pentadbir wang zakat. Emolumen, perkhidmatan dan bekalan, inventori dan susut nilai adalah antara contoh belanja-belanja amil zakat. Setelah jumlah hasil zakat di hitung, ia akan ditolak dengan jumlah agihan kepada asnaf mengikut prinsip pepadanan bagi mendapatkan lebihan atau kekurangan dana zakat tahun semasa MAIN

C. Lebihan atau kurangan tersebut akan dicampur atau ditolak dengan baki awal tempoh (setelah dibuat reklasifikasi/pelarasan) untuk mendapatkan baki akhir kumpulan wang zakat tahun semasa seperti yang dapat dilihat pada Rajah 8.

**Rajah 8: Nota 24/24.1 – Lebihan/ (kurangan) dilaraskan dengan baki awal Kumpulan Wang Zakat**

**KUMPULAN WANG ZAKAT**

	<b>2016 RM</b>	<b>2015 RM</b>
Baki pada 01 Jan	XXX	XXX
Tambahan reklasifikasi tahun lalu	XXX	XXX
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan	XXX	XXX
Pelarasan tahun lalu	XXX	XXX
Baki pada 31 Disember	XXX	XXX

(Sumber: Penyata Kewangan MAIN C 2016 yang diaudit)

Baki akhir tersebut dilaporkan pula pada Penyata Kedudukan Kewangan dan ianya adalah sebahagian daripada kumpulan wang baitulmal dan rizab seperti yang ditunjukkan pada Rajah 9.

**Rajah 9: Petikan Penyata Kedudukan Kewangan – Kumpulan Wang Baitulmal dan Rizab**

**MAIN C**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016**

	<b>Nota</b>	<b>2016 RM</b>	<b>2015 RM</b>
...	XX	XXX	XXX
Jumlah Aset		XXX	XXX

## Dana Dan Liabiliti :

## Dana

Kumpulan Wang Baitulmal dan Rizab	15	XXX	XXX
Jumlah Dana		XXX	XXX

Lialibiliti		XXX	XXX
...		XXX	XXX

Jumlah Dana Dan Lialibiliti		XXX	XXX
-----------------------------	--	-----	-----

(Sumber: Penyata Kewangan MAIN C 2016 yang diaudit)

Meskipun, MAIN C memperincikan segala kutipan dan agihan zakat dalam satu penyata sahaja, kajian ini melihat keperluan untuk MAIN C menyediakan satu lagi penyata bagi menunjukkan aktiviti-aktiviti kewangannya sebagai amil zakat. Oleh yang demikian, pengguna penyata kewangan dapat membandingkan prestasi aktiviti zakat dan prestasi MAIN C sebagai institusi yang menguruskan wang zakat (Wang, 2014 ; The International Accounting Standards Board (IASB), 2018) . Sebagai tambahan, MAIN C juga masih mengiktiraf kutipan dan agihan zakat sebagai hasil dan belanja dan bukannya sebagai penerimaan dan pembayaran.

### Perbandingan Dan Analisis Amalan

Berdasarkan dapatan yang dibentang dan dibincangkan dalam seksyen 4.1 sehingga 4.3 bukti kajian menunjukkan ketiga-tiga kajian kes mengiktiraf kutipan dan agihan zakat sebagai hasil dan belanja. Namun begitu ketiga-tiga kajian kes mengiktiraf kutipan dan agihan zakat ini dalam penyata yang berbeza-beza di antara satu sama lain. Ringkasan perbezaan ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. MAIN A mengiktiraf kutipan dan agihan zakat sebagai hasil dan belanja dalam penyata pendapatan kumpulan wang zakat setelah ditolak dengan bahagian Amil (1/8). Kutipan zakat yang diagihkan kepada MAIN A sebagai Amil (iaitu 1/8 daripada jumlah kutipan) pula diiktiraf terus sebagai hasil dalam penyata pendapatan kumpulan pengurusan.

Sementara itu, berbeza dengan MAIN A dan MAIN C, MAIN B mengiktiraf keseluruhan kutipan dan agihan zakat sebagai sebahagian daripada hasil dan belanja MAIN B dalam penyata pendapatan disatukan. Jumlah kutipan dan agihan zakat yang sama turut diiktiraf dalam penyata kumpulan wang zakat MAIN B.

**Jadual 1: Ringkasan Perbezaan Amalan Pengiktirafan Kutipan dan Agihan Zakat**

	<b>MAIN A</b>	<b>MAIN B</b>	<b>MAIN C</b>
Standard perakaunan digunapakai	PERS & Enakmen Lembaga Zakat Negeri 2015	MPERS	PERS & Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri 2004 (Pindaan 2012).
Penyata Pendapatan Disatukan	Tiada	(Keseluruhan kutipan & Agihan zakat beserta lain-lain hasil dan belanja)	Tiada
Penyata Pendapatan Kumpulan Pengurusan	(Hasil zakat bahagian Amil 1/8)	Tiada	(Hasil dan Belanja selain yang berkaitan pengurusan Zakat)
Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Zakat	(Kutipan Zakat sebagai hasil 7/8 & Agihan zakat sebagai belanja)	(Keseluruhan kutipan & Agihan zakat)	(Keseluruhan kutipan & Agihan zakat termasuk belanja pengurusan zakat)

Seperti MAIN A, terdapat dua penyata pendapatan yang disediakan MAIN C iaitu penyata pendapatan berkaitan pengurusan dan penyata pendapatan untuk kumpulan wang zakat. Namun begitu, berbeza dengan MAIN A, keseluruhan kutipan dan agihan zakat diiktiraf dalam penyata pendapatan kumpulan wang zakat sebagai hasil dan belanja termasuk bahagian MAIN C sebagai amil. Semua perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan peranannya sebagai amil, contohnya emolumen staf yang menguruskan kutipan dan agihan zakat diiktiraf dalam penyata pendapatan kumpulan wang zakat. Lain-lain hasil dan belanja ditunjukkan dalam penyata pendapatan kumpulan pengurusan.

Bagi menjelaskan lagi perbezaan amalan perakaunan yang berkaitan dengan kutipan dan agihan zakat oleh ketiga-tiga MAIN, andaikan setiap MAIN menerima RM8 juta zakat dan melibatkan RM7 juta agihan zakat kepada asnaf selain daripada amil (iaitu institusi zakat) dan RM1 juta belanja pengurusan zakat oleh institusi zakat. Kesan kepada penyata kewangan ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Kesan ke atas penyata kewangan berasaskan andaian**

	MAIN A RM'000	MAIN B RM'000	MAIN C RM'000
Penyata Pendapatan Disatukan	Tiada laporan		Tiada Laporan
Kutipan Zakat		8,000	
Agihan zakat selain daripada Amil		(7,000)	
Belanja pengurusan zakat oleh institusi zakat		(1,000)	
		0	
Penyata Pendapatan Kumpulan Pengurusan		Tiada Laporan	
Kutipan Zakat	1,000		0
Belanja pengurusan zakat oleh institusi zakat	(1,000)		0
	0		0
Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Zakat			
Kutipan Zakat	7,000	8,000	8,000
Agihan zakat/Agihan zakat selain daripada Amil (bagi MAIN A)	(7,000)	(8,000)	(8,000)
	0	0	0

Amalan pengiktirafan (dan juga pelaporan) kutipan dan agihan zakat yang berbeza diantara ketiga-tiga institusi zakat ini boleh memberi kesan kepada prinsip kebolehbandingan (comparability) yang merupakan antara prinsip perakaunan yang diguna pakai bagi menyediakan penyata kewangan sesebuah organisasi mahupun syarikat (Kieso et al., 2018) yang merujuk kepada keadaan yang mempunyai ciri-ciri persamaan yang cukup untuk membolehkan perbandingan dibuat (Hendriksen, 1977). Kebolehbandingan merupakan salah satu ciri utama dalam menentukan kualiti maklumat kewangan, kerana ia memudahkan perbandingan dan pembuatan keputusan oleh pengguna. Perbezaan amalan pengiktirafan dan pelaporan dijangka memberi kesan kepada kebolehcapaian objektif utama kebolehbandingan

iaitu untuk membantu pengguna (sebagai contoh pembayar zakat, penyumbang, penerima zakat, orang awam dan penggubal dasar) dalam membuat ramalan dan keputusan kewangan. Andaian ini adalah selari dengan kajian Ros Aniza Mohd. Shariff & Abdul Rahim Abdul Rahman, (1997) dalam kajian mereka bahawa perbandingan maklumat perakaunan hanya boleh dilakukan jika entiti pelapor menggunakan standard dan polisi perakaunan yang sama.

## **Kesimpulan**

Kajian ini mendapati tidak terdapat keseragaman dalam mengakaunkan dan melaporkan dana zakat oleh ketiga-tiga institusi zakat yang dikaji. Akibatnya, kebolehbandingan maklumat perakaunan antara MAIN akan terjejas. MAIN A misalnya, menyediakan penyata pendapatan bagi kedua-dua kumpulan wang zakat dan pengurusan dan pentadbiran secara berasingan, tanpa menyatukan kedua-duanya. Hasil yang diiktiraf dalam penyata pendapatan (Pengurusan dan Pentadbiran) adalah satu per lapan (bahagian amil yang ditetapkan oleh MAIN A) daripada keseluruhan pendapatan, sementara tujuh per lapan lagi diiktiraf dalam penyata pendapatan kumpulan wang zakat. MAIN B pula menganggap semua pendapatan zakat adalah hasilnya dan melaporkannya di dalam Penyata Pendapatan Yang Disatukan, bersama-sama dengan pendapatan yang lain. Walau bagaimanapun, MAIN B juga melaporkan penyata pendapatan kumpulan wang zakat bagi menunjukkan pendapatan zakat dan perbelanjaan, termasuk agihan kepada asnaf dan lain-lain belanja. Perbelanjaan bagi mengurus zakat dimasukkan sebagai agihan kepada amilin. Ini termasuklah emolumen dan lain-lain belanja mengurus. Bagi MAIN C pula, sama seperti MAIN A, ia melaporkan pendapatan zakat secara berasingan daripada sumber-sumber yang lain dan tidak menyatukan keduanya. Namun, ia mengiktiraf semua pendapatan zakat di situ tanpa mengasingkan bahagian amil, dan semua perbelanjaan mengurus juga merupakan sebahagian daripada belanja di dalam penyata prestasi kewangan zakat. Ketiga-tiga institusi mengakaunkan lebihan (kurangan) kutipan keatas agihan sebagai ekuiti di mana ia dikategorikan sebagai kumpulan wang amanah, dan tidak menganggap ianya sebagai liabiliti.

Bagi MAIN yang tidak dikaji, penyelidik tidak dapat meramalkan kaedah mana yang diguna pakai, sama ada diantara kaedah yang dibincangkan di atas atau kaedah yang lain. Walau apa pun kaedah yang digunakan, sekurang-kurangnya sudah terdapat tiga pendekatan yang berbeza yang menyumbang kepada masalah kebolehbandingan maklumat kewangan zakat diantara semua MAIN. Dapatan kajian ini menunjukkan perlu adanya satu standard perakaunan yang boleh dijadikan garis panduan kepada institusi zakat dalam mengakaunkan pendapatan zakat serta agihannya. Dalam membentuk standard perakaunan yang baru, MPSAS 23 boleh dijadikan asas, kerana zakat juga merupakan pendapatan daripada urus niaga bukan pertukaran. Penyelidik mencadangkan supaya kajian seterusnya mengkaji kesesuaian MPSAS 23 untuk digunakan bagi mengakaun pendapatan zakat.

## Rujukan

- Abdullah Abdul Ghani, Shafie Rohami, Md Suhaimi Md Saleh, Faisol Elham, Fathilatul Zakimi Abdul Hamid, Muhammad Nasri Naimi, ... Muhammad Hanif. (2017). Isu-Isu dalam Pengurusan dan Pelaporan Wakaf, Zakat dan Baitulmal bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, (7), 41–51.
- Hairunnizam, W., Sanep, A., & Radiah, A. K. (2009). Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapakah masyarakat islam tidak berpuashati? *Jurnal Syariah*, 17(1), 89–112.
- Hairunnizam Wahid, Mohd Fairuz Md Salleh, Norida Basnan, Azlina Ahmad, Azizah Harun, & Ainol Basirah Abdul Wahab. (2017). Pendedahan Maklumat Zakat bagi Pelaporan Institusi Islam: Kajian terhadap Majlis Agama Islam Negeri Di Malaysia. In *Muzakarah Zakat Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Lembaga Zakat Selangor.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Nor, & Maryam Abd Rashid. (2016). Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan Dan Pengurusan Agihan Zakat: Kajian Di Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak. *International Conference on Infaq 2016*, (July), 76–91.
- Hamzah Ismail, & Radziah Abdul Latiff. (2001). *Survey and Analysis of Financial Reporting of Islamic Banks Worldwide*. Kuala Lumpur: Malaysian Accountancy Research and Education Foundation.
- Hendriksen, E. S. (1977). *Accounting Theory* (3rd. editi). Richard D. Irwin, Inc.
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia. (2013a). *Piawaian Perakaunan Sektor Awam (Malaysian Public Sector Accounting Standards) MPSAS 1 Pembentangan Penyata Kewangan*.
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia. (2013b). *Piawaian Perakaunan Sektor Awam (Malaysian Public Sector Accounting Standards) MPSAS 23 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)*.
- Kieso, D. E., Weygandt, J. J., & Warfield, T. D. (2018). *Intermediate Accounting IFRS Edition ((3rd ed.))*. Hoboken: Wiley.
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. (2016). *Penyata Kewangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016*. Ipoh.

- Majlis Agama Islam Negeri Perlis. (2016). *Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Perlis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016*. Kangar.
- Mohd Abd Wahab Fatoni, M. B., & Adibah Hasanah, A. H. (2008). Mobilisasi zakat dalam pewujudan usahawan asnaf: Satu tinjauan. *Jurnal Syariah*, 16, 567–584.
- Mohd Adib Abd Muin, & Shuhairimie Abdullah. (2016). Peranan Usahawan Sosial Berjaya dalam Meningkatkan Dana Zakat di Malaysia: Kesan Pembangunan Ekonomi Ummah. In Razali Md. Jani, Muhsin Nor Paizin, Luqman Haji Abdullah, & Muhammad Ikhlas Rosele (Eds.), *Menelusuri Isu-isu Kontemporari Zakat* (pp. 292–308). Kual: Pusat Pungutan Zakat (PPZ).
- Mohd Rais Alias. (2016). PEMBANGUNAN INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA. In Razali Md. Jani, Muhsin Nur Paizin, Luqman Haji Abdullah, & Muhammad Ikhlas Rosele (Eds.), *Menelusuri Isu-isu Kontemporari Zakat* (pp. 329–354). Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat (PPZ).
- Noor Syafinas Muda. (2014). *Keberkesanan Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir Dan Miskin : Kajian Kes Bantuan Jayadiri, Jabatan Zakat Negeri Kedah*. tesis USM.
- Perlembagaan Malaysia. (1963). *Perlembagaan Persekutuan Undang-Undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Ros Aniza Mohd. Shariff, & Abdul Rahim Abdul Rahman. (1997). An Exploratory Study of Ijarah Accounting Practices in Malaysian Financial Institutions. *International Journal of Islamic Financial Services*, 5(3), 1–15.
- Sahata Hussein. (2003). *Kaedah Agihan Zakat Harta, Pengertian, Sistem Dan Agihannya* (Diterjemah). Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Shawal Kaslam. (2009). Governing Zakat as a Social Institution: The Malaysian Perspective. *Social and Management Research Journal*, 6(1), 15–32.
- The International Accounting Standards Board (IASB). (2018). *Conceptual Framework for Financial Reporting 2018*. Retrieved from <https://www.iasplus.com/en-gb/standards/other/framework>
- Wang, C. (2014). Accounting Standards Harmonization and Financial Statement Comparability: Evidence from Transnational Information Transfer. *Journal of Accounting Research*, 52(4), 955–992. <https://doi.org/10.1111/1475-679X.12055>
- Zahri Hamat. (2013). *Perakaunan Zakat Perniagaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan

Bahasa dan Pustaka.

Zarina Kadri, Sanep Ahmad, & Mohd Ali Mohd Nor. (2012). Zakat sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi : Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi. Prosiding Perkem VII, 2, 1263–1273.